From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERPATI KETENGAHKAN DUA AMALAN TERBAIK DI KONVENSYEN PENTADBIR UNIVERSITI AWAM MALAYSIA (KPUA) 2026
Date: Tuesday, 1 September, 2026 4:36:55 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

1 SEPTEMBER 2026 / 19 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Akmal Ahlami Md Rozai
Gambar oleh: Suhami Ismail

PERPATI KETENGAHKAN DUA AMALAN TERBAIK DI KONVENSYEN PENTADBIR UNIVERSITI AWAM MALAYSIA (KPUA) 2026



UUM ONLINE: BANDAR ENSTEK - Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (Tadbir dan Ikhtisas) (PERPATI) Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuhkan peranan sebagai wadah pembangunan profesional pentadbir apabila mengetengahkan dua projek berimpak tinggi UUM menerusi Sesi Pembentangan Amalan Terbaik sempena Konvensyen Pentadbir Universiti Awam Malaysia (KPUA) 2026 yang berlangsung pada 20 Ogos 2026 di Bilik Sarana 2, Institute of Leadership and Development (ILD), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Penyertaan PERPATI UUM dalam sesi tersebut melibatkan dua projek yang mewakili tema penting dalam pembangunan dan transformasi pengurusan Universiti Awam, iaitu Projek eRasmi UUM di bawah Subtema 1: Transformasi Organisasi dan Kelestarian Pengurusan Universiti (Pendigitalan dan Kecerdasan Buatan – AI) serta Projek Nakhoda Aspirasi dan Kecemerlangan Bakat (NAQIB) di bawah Subtema 2: Pemerkasaan Bakat dan Kecemerlangan Profesional Pentadbir Universiti (Pembangunan Bakat Universiti).

Projek eRasmi UUM telah dibentangkan oleh Pegawai Teknologi Maklumat, UUMIT, Ts. Noriza Hussain yang mengetengahkan transformasi pengurusan tugas rasmi daripada proses manual kepada sebuah ekosistem digital yang lebih cekap, telus dan bersepadu.



eRasmi dibangunkan dengan konsep “One Process, One Platform” merangkumi proses permohonan, perakuan, kelulusan, semakan rekod dan tuntutan secara digital, selain mengintegrasikan sistem-sistem berkaitan bagi mengurangkan pengulangan kemasukan data serta memperkukuh pemantauan dan jejak audit.

Noriza berkata, inisiatif tersebut turut memberi nilai tambah melalui pemusatan data, aliran kerja digital dan penggunaan dashboard bagi menyokong pemantauan serta pembuatan keputusan berasaskan data.

Berdasarkan pembentangan projek, pelaksanaan eRasmi berpotensi mengurangkan masa pemprosesan sehingga 80 hingga 95 peratus, di samping merekodkan tahap kepuasan pengguna melebihi 95 peratus, sekali gus memperlihatkan impak transformasi digital terhadap kecekapan penyampaian perkhidmatan universiti.



Sementara itu, Projek NAQIB telah dibentangkan oleh Pengarah Jabatan Keselamatan UUM, Mohamad Ezanee Yazid bagi subtema pembangunan bakat universiti. Program Nakhoda Aspirasi dan Kecemerlangan Bakat (NAQIB) UUM 2026 merupakan inisiatif pembangunan bakat strategik UUM yang dirangka bagi memperkukuh budaya bimbingan, perkongsian ilmu dan pembangunan profesional dalam kalangan warga universiti, khususnya staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional melalui pendekatan pementoran berstruktur.

NAQIB memberi penekanan kepada pembentukan warga kerja yang kompeten, berintegriti dan berdaya saing melalui bimbingan mentor yang berpengalaman dan berautoriti. Pendekatan program turut menekankan bahawa proses pementoran bukan sekadar pemindahan ilmu (*transfer of knowledge*), tetapi turut merangkumi pemindahan sahsiah (*transfer of character*) bagi membentuk nilai integriti, profesionalisme, etika kerja dan kepimpinan yang berkesan.

Melalui penyertaan dua projek ini, PERPATI UUM mengetengahkan satu gambaran yang lebih menyeluruh tentang usaha universiti dalam memperkukuh ekosistem pentadbiran, iaitu melalui transformasi teknologi di satu sisi dan pembangunan modal insan di sisi yang lain. Kedua-duanya saling melengkapi dalam membentuk organisasi yang lebih tangkas, kompeten, berdaya saing dan bersedia menghadapi perubahan landskap pendidikan tinggi.



Penyertaan dalam KPUA 2026 juga menjadi platform kepada PERPATI UUM untuk berkongsi amalan, pengalaman dan inovasi UUM bersama komuniti pentadbir Universiti Awam Malaysia, di samping membuka ruang kepada perkongsian ilmu serta pertukaran idea dalam usaha mengenal pasti pendekatan terbaik yang boleh disesuaikan mengikut keperluan institusi masing-masing.

Presiden PERPATI UUM, Kartini Tajuk Urus berkata, penglibatan dalam sesi pembentangan ini bukan sekadar mewakili persatuan dalam sebuah konvensyen, malah mencerminkan komitmen untuk mengangkat dan mempromosikan amalan terbaik UUM ke peringkat Universiti Awam, khususnya dalam aspek transformasi digital, inovasi pengurusan dan pembangunan bakat profesional.

Penyertaan tersebut turut melengkapkan penglibatan PERPATI UUM dalam rangkaian program sempena Sambutan Hari Pentadbir Universiti Awam 2026 dan Jubli Perak MASTI 2001–2026, yang menjadi wadah penting dalam memperkukuh jaringan profesional, perkongsian amalan terbaik serta semangat kebersamaan dalam kalangan pentadbir Universiti Awam.

PERPATI UUM akan terus komited memperkukuhkan profesionalisme dan kecemerlangan warga pengurusan serta profesional melalui penglibatan strategik, perkongsian ilmu dan penghasilan inisiatif yang memberi nilai tambah kepada universiti serta komuniti pendidikan tinggi negara.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.